

## **BANTUAN KEMASUKAN KE IPT**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan beban kewangan para pelajar Islam yang mendapat tawaran masuk ke Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian dalam maupun luar negara. Skop Bantuan Kemasukan ke IPT dalam dan luar negara adalah bagi tujuan pendaftaran di Semester 1 tahun satu sahaja pada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD bagi membolehkan mereka mendaftarkan diri dan lebih kepada bantuan sokongan kepada pemohon.

### **KEKERAPAN**

Bantuan diberi sekali sahaja untuk setiap peringkat pengajian.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Mendapat Surat Tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian dalam atau luar negara di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. Keutamaan adalah kepada pelajar yang belum mendaftarkan diri di Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & cuti umum dari tarikh pendaftaran bagi mana-mana pelajar yang telah mendaftarkan diri di Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian.
4. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
5. Bagi pemohon yang bekerja yang tidak menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan hendaklah mengemukakan surat rasmi daripada majikan.
6. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Surat tawaran.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.